

06 JULAI 2017

Boleh gila dalam masa 2 minggu

Ms.16 Khamis, 6 Julai 2017 BH

→ ISU

SUSULAN BH BONGKAR KELANTAN LUBUK PIL KUDA

KESAN PENGAMBILAN PIL KUDA

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

Psikologi

- » Kesukaran tidur
- » Kelakuan agresif
- » Paranoid
- » Kurang selera makan
- » Bercakap berterusan
- » Mudah marah
- » Pertuturan tidak jelas
- » Sakit kepala
- » Halusinasi dan kekeliruan
- » Bertindak keterlaluan
- » Panik

Kesan sistematik

- » Kekurangan nutrisi
- » Kerosakan sistem imunisasi

Sistem peredaran

- » Darah tinggi
- » Darah beku
- » Strok

Jantung

- » Sakit dada
- » Serangan jantung
- » Degupan jantung laju

Kerosakan hati

Mata

- » Anak mata mengembang

Gigi

- » Kesan dadah mengakibatkan penagih berasa dahaga dan mengambil air berkarbonat dan manis
- » Penurunan pengeluaran air liur
- » Kancing gigi

Kulit

- » Berpeluh dan kebas

Pernafasan

- » Kesukaran bernafas

Sistem otot

- » Pergerakan tersentak
- » Kekerapan aktiviti otot
- » Kekejangan
- » Hilang koordinasi

Kerosakan buah pinggang

Bahan Pil Kuda

- » Cecair meth, asid hidroklorik dan natrium hidroksida.
- » Cecair meth adalah dadah bertoksik tinggi, manakala asid hidroklorik digunakan untuk menghasilkan bateri, mentol dan bunga api. Natrium hidroksida pula bahan kimia untuk merawat air dan memproses logam.
- » Racun tikus
- » Sarbuk kaca kalimantang
- » Pencuci lantai
- » Cecair peluntur
- » Ubat nyamuk

Contoh pil kuda yang dijual di antara RMS hingga RM15 sebiji di Kelantan.

Boleh gila dalam masa 2 minggu

→ Pengambilan berterusan menyebabkan penagih pil kuda alami penyakit mental, gangguan saraf

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@bh.com.my

Kota Bharu

Pengambilan pil kuda secara berterusan selama dua minggu, boleh menyebabkan penagihnya mengalami penyakit mental, berikutan gangguan saraf yang dicetuskan dadah berkenaan.

Pakar Toksikologi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof Dr Mustafa Ali Mohd, berkata kesan yang dicetuskan setiap pil kuda, bergantung kepada kualiti ramuan digunakan dalam penghasilannya, sama ada bahan asli atau dicampurkan kandungan seperti tepung dan tar.

Beliau berkata, pengambilan pil kuda akan merangsang sistem saraf, menyebabkan penagih dadah mempunyai stamina dan tidak mengantuk sekurang-kurangnya selama empat jam.

"Biasanya kesan pengambilannya akan mengambil masa selama empat jam atau mungkin lebih lama kerana ia bergantung kepada kualiti pil kuda itu sendiri memandangkan dadah itu bukan dihasilkan syarikat berdaftar, sebaliknya oleh individu tidak bertanggungjawab.

"Justeru, kepekatan atau keaslian pil kuda itu bergantung kepada individu yang membuat dadah itu sendiri. Ada yang letak banyak (sepenuhnya methamphetamine) untuk setiap pil atau letak sedikit (dicampur dengan gandum atau tar)," katanya ketika dihubungi BH.

BH melaporkan keterbukaan serpadan Kelantan-Thailand, selain kewujudan 128 pangkalan haram sepanjang Sungai Golok adalah punca negeri itu menjadi lubuk dadah, khususnya pil kuda.

Kedua-dua faktor itu, selain bekalan pil kuda yang murah dari negara jiran, diakui sendiri polis menyebabkan gejala berkenaan

menjadi semakin serius dan sukar dikawal.

Jumlah pesakit mental meningkat mendadak

Mengulas lanjut, Mustafa berkata, berdasarkan kes pengambilan dadah khususnya pil kuda yang kian membimbangkan di Kelantan, beliau tidak menolak kemungkinan jumlah pesakit mental boleh meningkat secara mendadak di negeri itu.

Katanya, kesan pil kuda itu seolah-olah penagih terkena buatan atau sihir, namun sebaliknya sistem sarafnya sudah rosak sehingga wujudnya halusinasi.

"Jika penggunaan dalam jangka masa lebih panjang, seseorang itu seolah-olah menghidap angin ahmar, memandangkan sistem saraf di kepala atau otaknya sudah tidak berfungsi.

"Bagaimanapun, mereka mudah dirawat sekiranya tidak mengambil dadah langsung dalam tempoh tertentu," katanya.



Dr Mustafa Ali Mohd, Pakar Toksikologi Pusat Perubatan Universiti Malaya

Kesan pil kuda itu seolah-olah penagih terkena buatan atau sihir, namun sebaliknya sistem sarafnya sudah rosak sehingga wujudnya halusinasi"

Dr Mustafa Ali Mohd, Pakar Toksikologi Pusat Perubatan Universiti Malaya